"Sebenarnya, pelbagai negara telah melaksanakan variasi wilayah dalam kadar gaji minimum yang lebih sesuai untuk pekerja kerana mengambil kira perbezaan kos sara hidup," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh:0.5 MAY 2025.....

5 langkah tingkat kadar gaji rakyat

Antara langkah dicadangkan ialah tambat ringgit ikut komoditi, kurangkan ambilan pekerja asing

SHAH ALAM

84 5/5



AHMED RAZMAN



MOHD AFZANIZAM

Pakar-pakar ekonomi mencadangkan lima langkah yang boleh diambil kerajaan bagi merombak struktur ekonomi, sekali gus bagi memastikan kadar gaji sebenar rakyat Malaysia dapat dipertingkatkan secara mampan.

Antara langkah yang dicadangkan ialah menambat ringgit mengikut nilai komoditi sekali gus menyebabkan mata wang lebih stabil, mengurangkan pengambilan pekerja asing melalui pendigitalan dan automasi, membangunkan industri setempat dengan produk berasaskan teknologi, memantapkan sektor pendidikan serta dasar gaji progresif.

Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra Business School (PBS), Profesor Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kadar gaji menyusut adalah disebabkan sistem monetari itu sendiri sekali gus menjadikan kuasa membeli semakin merosot setiap tahun.

"Kadar inflasi meningkat setiap tahun dan kuasa membeli merosot.

"Ia disebabkan wang yang diterima tak cukup untuk sara hidup kerana mata wang itu sendiri bersifat mata wang fiat, iaitu tidak disandarkan pada mana-mana komoditi.



"Apabila mata wang tidak menjadi sandaran, memang sukar untuk nilainya mengukuh. Jadi, penyelesaiannya harus melihat kepada bagaimana mata wang kita boleh disandarkan kembali kepada komoditi melalui teknologi," katanya kepada Sinar Harian.

Tambah Ahmed Razman, Bank Negara Malaysia (BNM) mungkin akan memperkenalkan mata wang digital bank pusat (CBDC) iaitu wang kripto menggunakan teknologi blockchain.

Jelasnya, apabila dicipta secara elektronik, bermakna ada cara untuk menambatkan mata wang itu dengan komoditi tertentu seperti emas, minyak sawit, beras.

"Ia akan menyebabkan mata wang kita lebih stabil dan mengukuhkan kuasa membeli berbanding sekarang," ujar beliau.

Selain itu, Ahmed Razman turut mencadangkan agar kerajaan mengurangkan pengambilan pekerja asing melalui pendigitalan dan automasi.

Katanya, apabila mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, Malaysia akan berhijrah kepada automasi yang memerlukan pekerja berkemahiran tinggi dan sederhana untuk mengendalikan semua mesin dan sistem.

"Dari situlah, kita boleh mengajikan pekerja tempatan dengan kadar gaji yang lebih tinggi.

"Kita kena ada perancangan untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing ini secara sedikit demi sedikit.

"Selain itu, kita kena membangunkan industri setempat supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan, utamanya yang memerlukan pembangunan produk berasaskan teknologi.

"Sekarang ini, sebahagian besar PMKS (perusahaan mikro, kecil dan sederhana) kita adalah dalam sektor makanan (F&B). Kena perbanyakkan lagi PMKS dalam bidang sektor teknologi, pembangunan pembuatan dan pembangunan sistem digital," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid turut senada dan menyatakan perlu satu pendekatan yang lebih praktikal dengan menggalakkan model perniagaan berkos tinggi.

Jelasnya, ia bermaksud perniagaan itu menekankan aspek nilai tambah yang tinggi melibatkan penyelidikan dan inovasi umpamanya, sekali gus dapat meningkatkan pengeluaran.

"Jadi, secara tidak langsung sektor pendidikan kita kena mantap, supaya lebih banyak gradu-

5 LANGKAH TINGKAT KADAR GAJI RAKYAT MALAYSIA

- Tambat ringgit mengikut komoditi, sekali gus menjadikan mata wang lebih stabil.
- Kurangkan pengambilan pekerja asing melalui pendigitalan dan automasi.
- Bangunkan industri setempat dengan produk berasaskan teknologi.
- Mantapkan sektor pendidikan.
- Dasar gaji progresif.

an yang berdaya saing, berketenterampilan dan mungkin boleh menguasai mata pelajaran STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) dengan lebih baik lagi," katanya.

Mohd Afzanizam turut memuji dasar gaji progresif yang dilakukan kerajaan sekarang ini yang dilihat salah satu cara ke arah meningkatkan pendapatan rakyat.

"Ia merupakan satu bentuk intervensi oleh kerajaan, yang mana kerajaan memperuntukkan sekitar RM200 juta untuk 2025, melibatkan kira-kira 55,000 orang.

"Dasar ini merupakan langkah intervensi untuk meningkatkan tangga gaji pekerja, diikuti dengan peningkatan inovasi dengan skim-skim latihan bagi pekerja yang terlibat," jelasnya.

SINAR HARIAN

tarikh: 05 MAY 2025

Oleh Hazwan Faisal
Mohamad
hazwanfaisal@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Sasaran defisit fiskal negara masih berada dalam landasan boleh dicapai malah berupaya mencatat pencapaian lebih baik namun hanya jika langkah rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dilaksanakan secara tegas tanpa sebarang penangguhan lagi.

Perunding Kanan Global Asia Consulting Samirul Ariff Othman berkata, penangguhan perluasan SST menyebabkan kerajaan kehilangan potensi kutipan RM730 juta pada bulan ini sahaja.

Pada masa sama katanya, harga minyak global yang semakin rendah menjejaskan hasil negara secara signifikan kerana setiap kejatuhan AS\$1 dalam harga minyak mengurangkan 'kantung kerajaan' antara RM300 juta hingga RM350 juta.

"Kesannya, dua sumber hasil penting, peluasan SST dan minyak terjejas serentak. Ini memberi tekanan kepada sasaran hasil negara RM339.7 bilion untuk 2025 yang kini dijangka menurun kepada RM336.9 bilion.

"Sasaran defisit fiskal masih boleh dicapai atau lebih baik, tetapi hanya jika langkah rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan SST dilakukan dengan tegas tanpa penangguhan tambahan," katanya kepada BH.

Kerajaan kekal komited kepada penyatuan fiskal, dengan menyasarkan defisit fiskal lebih kecil sebanyak 3.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2025.

Belanjawan 2025 memabitkan peruntukan



HARGA minyak global yang semakin rendah menjejaskan hasil negara secara signifikan kerana setiap kejatuhan AS\$1 dalam harga minyak mengurangkan 'kantung kerajaan' antara RM300 juta hingga RM350 juta.

PERLU SEGERA RASIONALISASI SUBSIDI, LAKSANA SST

HILANG POTENSI KUTIPAN RM730J

HM
5/5

RM421 bilion iaitu belanjawan tertinggi pernah diumumkan dengan RM335 bilion untuk belanja mengurus, RM86 bilion bagi pembangunan, tidak termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka.

Berdasarkan Belanjawan 2025, kerajaan menyasarkan harga minyak pada AS\$75 hingga AS\$80 setong tahun ini namun perkembangan tidak menentu di peringkat antarabangsa menyebabkan harganya sekitar AS\$60 setong sekarang.

Sementara itu, peluasan skop SST yang dijadual

bermula Mei ini sebagai mana diumumkan dalam Belanjawan 2025, akan dilaksanakan pada tarikh kemudian, kata jurucakap Kementerian Kewangan kepada Bernama baru-baru ini ketika diminta mengesahkan laporan mengenai penangguhan itu.

Jurucakap itu berkata, kementerian juga selesai melakukan sesi libat urus dengan pelbagai industri di seluruh negara dalam memuktamadkan skop peluasan

dan kadar cukai berkaitan.

Menurutnya, garis panduan dan skop itu sedang diperhalusi bagi memastikan pelaksanaan lancar.

Ditanya cara kerajaan menambah pendapatan, Samirul berkata, pilihan yang mungkin diambil ialah mempercepatkan pelaksanaan SST yang ditangguh.

"Walaupun tarikh digazetkan kepada 1 Jun, kerajaan perlu pastikan pelaksanaan-nya tidak tertangguh lebih

lanjut.

"Kerajaan juga boleh melaksanakan cukai baharu. Contohnya, memperluas cukai digital, cukai karbon atau meningkatkan cukai barangan mewah atau import.

"Selain itu, meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan cukai pendapatan individu dan korporat.

"Penstrukturan semula subsidi dengan menukar subsidi pukal kepada subsidi bersasar seperti dalam pelaksanaan RON95 bersasar yang dijangka menjimatkan RM4.5 bilion," katanya.

Kerajaan
menangguhkan
pelaksanaan SST
kepada 1 Jun 2025

HARIAN METRO
05 MAY 2025
Tarikh:

Kerajaan tingkat pengeluaran telur gred C

Harga lebih murah beri peluang rakyat dapat bekalan selepas tamat subsidi

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@bh.com.my

Kuala Terengganu: Kerajaan akan meningkatkan pengeluaran telur gred C yang lebih murah bagi menampung permintaan pasaran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata telur keluaran khas yang mula diperkenalkan pada harga RM5 sepapan

(30 biji) Ramadan lalu mendapat sambutan baik.

Beliau berkata, harganya lebih murah memberi peluang kepada rakyat mendapatkan bekalan telur berkenaan, sekali gus menstabilkan harga telur terutama selepas penamatan subsidi pada Ogos depan.

"Kita juga nak memperbanyakkan keluaran telur khas lebih murah, dijual pada Ramadan lalu pada harga RM5 sepapan



Mohamad (lima dari kiri) memotong pulut kuning bersama barisan kepimpinan Barisan Nasional dan PH pada majlis Rumah Terbuka PH Negeri Terengganu di Kuala Terengganu, semalam.
(Foto Ghazali Kori/BH)

"Kali ini, tak tahu harganya macam mana, tetapi kita yakin tidak akan naik melambung," katanya ketika ditemui selepas Rumah Terbuka Pakatan Harapan (PH) Negeri Terengganu, di sini semalam.

Mohamad berkata, selain bekalan telur khas, rakyat boleh mendapatkan bekalan telur pada harga yang lebih berpatutan melalui jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah di seluruh negara termasuk di semua outlet Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Larang eksport telur ayam

Katanya, subsidi telur yang dikurangkan daripada 10 sen kepada lima sen sebiji bermula 1 Mei dan seterusnya ditamatkan sepenuhnya mulai 1 Ogos ini serta penamatan subsidi ayam pada 2023 dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM3.8 bilion yang boleh digunakan untuk pembangunan lain.

"Sekarang ini, keadaan makin reda dan kita dapati bila subsidi ayam diselarikan, ditarik didapati harganya tidak naik (dan) kita harap telur pun jadi begitu," katanya.

Beliau berkata, kementerian juga kekal melarang eksport telur ayam ke luar negara kecuali syarikat yang terikat perjanjian sebelum ini.

Katanya, tindakan berkenaan diambil untuk memastikan bekalan telur di pasaran tempatan tidak terjejas.

BERITA HARIAN
05 MAY 2025
Tarikh.....

Sidang khas bincang tarif timbal balik AS

Malaysia nyatakan keterbukaan adakan rundingan dalam empat bidang utama

Kuala Lumpur: Semua tumpuan akan terarah pada sidang khas Parlimen hari ini untuk membincangkan mengenai tarif timbal balik mengejut oleh Amerika Syarikat (AS) ke atas eksport Malaysia yang telah mencetuskan kebimbangan kepada kerajaan dan industri.

Sesi itu dijangka menampilkan perbincangan menyeluruh apabila penggubal undang-undang mempertimbangkan implikasi keputusan AS itu serta pilihan diplomatik dan ekonomi yang akan diambil Malaysia.

Tarif itu yang diumumkan oleh Presiden AS, Donald Trump pada 2 April lalu, termasuk tarif asas sebanyak 10 peratus yang dikenakan ke atas semua negara dan levi tambahan, termasuk 24 peratus ke atas eksport barangan Malaysia.

Langkah itu dilaporkan merupakan sebahagian usaha Washington menyelaras semula hubungan perdagangan dan menangani defisit perdagangan.

Terdahulu pada 24 April lalu,

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz menemui delegasi peringkat tinggi ke Washington untuk mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Perdagangan AS, Howard Lutnick dan Wakil Perdagangan AS, Jamieson Greer.

Pada pertemuan itu, Tengku Zafrul menekankan kepentingan untuk mengadakan perbincangan secara berterusan dan mengulangi kesediaan Malaysia mencari jalan penyelesaian secara membina terhadap kebimbangan yang disuarakan AS.

Terus kekalkan momentum

Malaysia menyatakan keterbukaan untuk mengadakan rundingan dalam empat bidang utama; mengurangkan defisit perdagangan, menangani halangan bukan tarif, mengukuhkan perlindungan dan keselamatan teknologi dan meneroka potensi perjanjian perdagangan dua hala.

"Pertemuan pertama dengan Setiausaha Perdagangan AS dan Wakil Perdagangan AS ini adalah satu langkah ke arah hala tuju yang betul.

"Kita akan terus mengekalkan momentum dengan mengadakan pertemuan susulan segera mengenai beberapa isu utama yang dibincangkan dalam tempoh 90 hari penangguhan tarif," kata Tengku Zafrul dalam satu kenyataan pada 25 April.

Beliau juga mengalu-alukan keputusan penangguhan pelaksanaan tarif oleh AS yang di-

sifatkannya sebagai 'peluang' untuk menyelesaikan perkara itu secara diplomatik.

Pada 9 April lalu, pentadbiran AS mengumumkan penangguhan 90 hari bagi tarif timbal balik individu bagi kebanyakan negara namun mengekalkan tarif asas sebanyak 10 peratus.

Keputusan ini dibuat untuk memudahkan rundingan dengan lebih 75 negara yang telah menyuarakan kebimbangan mereka terhadap tarif mengejut itu.

Sementara itu, pentadbiran AS mengenakan duti tambahan ke atas import China, menaikkan jumlah kadar tarif ke atas barangan berasal dari China ke-145 peratus.

Sidang khas hari ini diadakan atas permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menjadi platform utama untuk menteri memberi taklimat kepada Parlimen mengenai langkah yang diambil kerajaan dan hasil daripada perbincangan dua hala baru-baru ini.

Menurut kenyataan daripada Parlimen, sidang itu diadakan di bawah Peraturan Mesyuarat 11(3) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, yang membolehkan perkara mendesak yang berkepentingan awam dibahaskan.

Taklimat peringkat menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i) akan merangkumi tindakan AS, implikasinya terhadap Malaysia dan langkah yang diselenggarakan kerajaan.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh.....05 MAY 2025



JIKA negara ingin membina sebuah tenaga kerja yang mampan dan berdaya saing, semua pihak perlu berganding bahu dalam membentuk semula ekosistem pekerjaan yang adil, menarik dan lestari untuk warga tempatan.

Ubah ekosistem pekerjaan negara



KHAIRUNNEEZAM MOHD. NOOR

LAMBAKAN dan dominasi pekerja asing dalam sektor-sektor pekerjaan tertentu di Malaysia bukan lagi sesuatu yang asing. Dalam sektor pembinaan, perladangan, pembersihan, dan perkilangan, kelihatan lebih ramai pekerja asing berbanding rakyat tempatan. Persoalan yang sering timbul ialah mengapa rakyat Malaysia begitu 'memilih' pekerjaan? Adakah benar mereka enggan melakukan kerja-kerja berat atau kotor? Atau adakah sistem itu sendiri tidak memberi insentif dan galakan yang wajar untuk menarik minat warga tempatan?

Menurut data daripada Kementerian Sumber Manusia, lebih 1.5 juta pekerja asing berdaftar berada di Malaysia sehingga akhir tahun 2023, dan hampir separuh daripada jumlah ini tertumpu dalam sektor 3D - *Dirty, Dangerous, and Difficult* (kotor, bahaya dan sukar). Kajian daripada Institut Penyelidikan Khazanah turut mendapati bahawa hampir 80 peratus pekerja dalam sektor pembinaan dan perladangan di beberapa negeri adalah terdiri daripada warga asing.



Majikan harus menstrukturkan semula model pengurusan tenaga kerja dengan menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif, kemudahan kebajikan, dan latihan berterusan untuk menarik serta mengekalkan pekerja tempatan."

Sementara itu, majikan pula mengakui bahawa mereka menghadapi kesukaran menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai sektor-sektor ini walaupun gaji minimum RM1,700 sebulan telah dikuatkuasakan bermula Februari 2025 yang lalu.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada penolakan rakyat tempatan terhadap pekerjaan ini adalah persepsi sosial yang negatif. Kerja-kerja fizikal dianggap sebagai pekerjaan *low class* (rendah martabatnya), tiada masa depan, serta tidak

setaraf dengan pendidikan yang dimiliki. Bagi mereka yang memiliki kelayakan akademik tinggi seperti Ijazah Sarjana Muda, ada yang telah memiliki *mind-set* bahawa "Penat-penat aku belajar setinggi ini, takkan nak bekerja dalam sektor yang setaraf lepasan sekolah sahaja?" Tambahan pula, sebahagian besar pekerjaan dalam sektor ini menawarkan waktu kerja yang panjang, beban kerja yang tinggi, dan persekitaran yang mencabar, tetapi tidak disertai dengan pakej ganjaran yang setimpal atau peluang kemajuan kerjaya yang jelas.

Implikasi daripada situasi ini amat besar kepada ekonomi dan struktur sosial negara. Kebergantungan yang tinggi kepada tenaga kerja asing bukan sahaja mengalirkan sebahagian besar pendapatan ke luar negara dalam bentuk kiriman wang, tetapi turut menimbulkan tekanan terhadap kemudahan awam, isu kesihatan, jenayah, dan integrasi sosial. Dari sudut keselamatan pekerjaan, peluang yang sepatutnya dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia kini semakin sempit, apatah lagi dalam situasi ekonomi yang mencabar dengan kadar pengangguran belia masih mencecah 10.4 peratus pada 2023.

Untuk menangani isu ini,

pendekatan menyeluruh perlu diambil. Pertama, kerajaan perlu menstrukturkan semula strategi pekerjaan dengan memperkenalkan lebih banyak insentif, insurans pekerjaan dan skim perlindungan sosial yang sesuai untuk pekerja dalam sektor 3D. Kenaikan gaji semata-mata tidak memadai jika tidak diiringi dengan perlindungan kesihatan, keselamatan, serta peluang peningkatan kerjaya yang jelas. Kedua, sektor pendidikan perlu memainkan peranan dalam mengubah persepsi generasi muda terhadap pekerjaan teknikal dan vokasional. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) harus diperkasa bukan sekadar dalam penyampaian kemahiran, tetapi juga dalam pembentukan imej positif terhadap kerjaya berasaskan kemahiran.

Majikan pula tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada tenaga kerja asing. Mereka harus menstrukturkan semula model pengurusan tenaga kerja dengan menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif, kemudahan kebajikan, dan latihan berterusan untuk menarik serta mengekalkan pekerja tempatan. Ini termasuk memodenkan teknologi dan automasi dalam operasi bagi mengurangkan beban fizikal

kerja yang selama ini menjadi antara sebab utama rakyat enggan menyertainya.

Organisasi pekerjaan, komuniti, media dan institusi agama juga boleh memainkan peranan penting dalam mengubah minda masyarakat terhadap nilai kerja. Konsep rezeki yang halal dan bermaruah perlu diangkat sebagai satu nilai teras dalam masyarakat agar pekerjaan dalam sektor 3D tidak lagi dipandang hina. Budaya kerja keras perlu dibentuk sejak di bangku sekolah dan disokong oleh dasar negara yang tidak hanya menilai kejayaan berdasarkan kerjaya profesional semata-mata.

Isu ini bukan semata-mata tentang rakyat Malaysia yang memilih pekerjaan, tetapi terfokus juga kepada sistem yang kurang menyokong mereka untuk memilih pekerjaan kategori 3D itu sebagai satu kerjaya. Jika negara ingin membina sebuah tenaga kerja yang mampan dan berdaya saing, semua pihak perlu berganding bahu dalam membentuk semula ekosistem pekerjaan yang adil, menarik dan lestari untuk warga tempatan.

PROFESOR Madya Dr. Khairunneezam Mohd. Noor ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 05 MAY 2025

Harga rumah tiga kali ganda melebihi had mampu milik

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA** 5/5
norizati.s@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Harga purata rumah tidak terjual di Malaysia kini mencecah RM602,186 seunit iaitu hampir tiga kali ganda lebih tinggi daripada paras rumah mampu milik sebenar yang dianggarkan sekitar RM216,000.

Menurut anggaran Jabatan Perangkaan tahun lalu, pendapatan purata isi rumah rakyat Malaysia adalah sekitar RM6,000 sebulan atau RM72,000 setahun.

Berdasarkan piawaian United Nations-Habitat dan Bank Dunia, rumah dianggap mampu milik sekiranya harga tidak melebihi tiga kali ganda pendapatan tahunan, iaitu harga rumah mampu dibeli isi rumah median, sekitar RM216,000.

Namun, purata harga semasa rumah tidak terjual kini adalah



MUHAMMAD NAJIB RAZALI

hampir tiga kali ganda lebih tinggi daripada had tersebut sekali gus menunjukkan krisis ketidaksepadanan yang semakin serius dalam sektor hartanah negara.

Angka semasa menunjukkan jurang besar antara penawaran rumah dan kemampuan pembeli iaitu 2.79 kali lebih tinggi daripada harga mampu milik sebenar.

Pakar Ekonomi dan Kewangan Harta Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Madya Dr. Muhammad Najib Razali berkata, masalah utama adalah ketidaksepadanan antara jenis dan harga rumah ditawarkan dengan kemampuan kewangan serta keperluan sebenar pembeli.

“Permintaan yang tinggi datang daripada golongan B40 dan M40 yang mencari rumah mampu milik, bukan unit mewah,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Baru-baru ini, akhbar ini melaporkan, sebanyak 23,149 unit kediaman pelbagai kategori yang siap dibina bernilai RM13.94 bilion masih tidak terjual sehingga akhir tahun 2024.

Kondominium dan apartmen membentuk 60.5 peratus daripada jumlah kediaman siap dibina tidak terjual.

Muhammad Najib berkata, harga purata rumah untuk golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) hanyalah sekitar RM144,000 manakala golongan berpendapatan 40 peratus pertengahan (M40) pula hanya mampu membeli rumah sekitar RM288,000.

Beliau berkata, ini menjadikan harga purata tersebut masing-masing 4.18 kali dan 2.09 kali lebih tinggi daripada had kemampuan golongan tersebut.

“Kelulusan pinjaman perumahan juga semakin ketat. Ramai yang tidak memenuhi nisbah hutang kepada pendapatan (DSR) atau mempunyai rekod kredit yang lemah walaupun sebenarnya berminat membeli.

“Lambakan rumah tidak terjual boleh menjejaskan aliran tunai pemaju, meningkatkan risiko pinjaman tidak berbayar (NPL) dan memberi kesan sistemik kepada sektor kewangan negara,” katanya.

Beliau berkata, walaupun permintaan terhadap apartmen dan kondominium menurun, pemaju masih meneruskan projek kediaman bertingkat tinggi.

Jelasnya, ia mengambil kira pemaksimalan penggunaan tanah di kawasan bandar, margin keuntungan lebih tinggi bagi unit mewah, serta kelulusan pembangunan lebih mudah.

“Sebahagian pemaju masih yakin gaya hidup urban moden akan meningkatkan permintaan terhadap kediaman strata. Tapi realitinya, kadar kekosongan kondominium mewah di Kuala Lumpur sudah mencecah 28.7 peratus,” katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 05 MAY 2025

20 kereta, 3 motosikal musnah dalam kebakaran

UM
5/5

Kuala Lumpur: Sebanyak 20 kereta dan tiga motosikal musnah dalam kebakaran di sebuah bengkel di Lebuhraya Bukit Jalil, Bandar Puchong Jaya pagi kelmarin.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Ahmad Mukhlis Mokhtar, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 10.56 pagi dan sebanyak 21 pegawai serta anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Puchong bersama BBP Subang Jaya, Seri Kembangan dan Damansara dikejarkan ke

lokasi kejadian.

"Sebaik tiba di lokasi pada 11.04 pagi, operasi pemadaman segera dilaksanakan dan kebakaran membabitkan sebuah bangunan kelas B yang dijadikan bengkel kereta dan motosikal dengan keluasan anggaran 80x60 kaki persegi," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, kebakaran memusnahkan kira-kira 70 peratus struktur bengkel berkenaan dan tiada mangsa terbabit.

Katanya, operasi pemadaman sedang giat dijalankan dan punca kejadian masih dalam siasatan.

BERNAMA

Sebuah bengkel di Bandar Puchong Jaya terbakar pagi kelmarin. (Foto huiari)



UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 05 MAY 2025

RINGGIT

↑ KUALA LUMPUR (Indeks Komposit) (+2.27 mata) 1,542.49	↑ SINGAPURA (Straits Times) (+1.78 mata) 3,834.29	↑ TOKYO Nikkei (+378.39 mata) 36,830.69	↑ NEW YORK Dow Jones (+83.60 mata) 40,752.96
---	--	--	---

**NUREN
GROUP SASAR
PASARAN
LUAR ASIA
TENGGERA
DALAM TIGA
TAHUN »22**



KOS HIDUP TINGGI PAKSA RAKYAT BUAT DUA KERJA

Oleh **SABRINA ZULKIFLI**
ekonomiutusan@mediamula.com.my

TEKANAN kos sara hidup yang semakin meruncing mendorong lebih ramai rakyat Malaysia berusaha melakukan dua kerja dan tidak hanya bergantung kepada satu pekerjaan demi menampung keperluan asas harian.

Kenaikan harga barangan keperluan seperti makanan kering dan basah kini semakin membebaskan golongan berpendapatan sederhana dan rendah, termasuk ibu tunggal serta mereka yang menyara keluarga besar.

Menurut Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad, trend ini bukan didorong oleh gaya hidup mewah, sebaliknya keperluan mendesak bagi memastikan dapur masih 'berasap'.

Ujarnya, ini kerana kebanyakan pekerja tidak menerima kenaikan gaji tahunan atau bantuan kerajaan yang mencukupi.

"Barangan asas merujuk kepada keperluan harian seperti beras, minyak, sayur-sayuran dan lauk-pauk. Bila berlaku kenaikan harga barangan ini, ia memberi tekanan besar kepada kewangan isi rumah, terutamanya golongan B40, M40

**"SECARA POSITIFNYA,
DUA PEKERJAAN
MEMBOLEHKAN
SESEORANG
MENAMBAH
PENDAPATAN DAN
MENGURANGKAN
TEKANAN KEWANGAN
ISI RUMAH."**

dan mereka yang mempunyai tanggungan besar.

"Peratusan yang bekerja kerana gaya hidup adalah amat kecil. Majoriti melakukannya untuk menampung kos hidup yang terus meningkat, lebih-lebih lagi pasca pandemik Covid-19 di mana ramai kehilangan atau terjejas sumber pendapatan utama," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Dr. Bashir berkata, terdapat kesan sosial dan psikologi yang ketara kepada mereka yang terpaksa bekerja lebih masa setiap hari.

"Secara positifnya, dua pekerjaan membolehkan seseorang menambah pendapatan

dan mengurangkan tekanan kewangan isi rumah. Ia juga meningkatkan kemahiran dan pengalaman pekerja, yang mungkin berguna jika berlaku pemecatan secara mengejut.

"Namun begitu, tidak dinafikan bahawa kesan negatifnya jauh lebih mendalam jika tidak ditangani secara berhati-hati.

"Kepuasan masa berkualiti bersama keluarga akan terjejas, kesihatan fizikal dan mental turut terganggu. Kepenatan yang melampau boleh mencetuskan konflik rumah tangga, malah mengancam keharmonian keluarga.

Bersambung di muka 16

UTUSAN MALAYSIA
0.5 MAY 2025

Tarikh:

Kos hidup tinggi paksa rakyat buat dua kerja

vm
5/5

Dari muka 15

"Paling membimbangkan, kurang rehat boleh menjejaskan prestasi kerja utama. Bila kerja utama terganggu, maka punca pendapatan utama pun boleh hilang," jelasnya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi di Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Abdul Rais Abdul Latiff berkata, fenomena rakyat mengusahakan dua pekerjaan ini juga mencerminkan kegagalan sistem pasaran buruh dalam menawarkan gaji yang setimpal dengan kos sara hidup semasa.

Ujarnya, ramai rakyat tidak mempunyai pilihan selain mencari pendapatan tamba-

han apabila gaji sedia ada tidak mampu menampung keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan pendidikan anak-anak.

"Kita dapati majoriti yang buat dua kerja adalah dari sektor berpendapatan rendah hingga pertengahan," katanya.

Katanya, ketidakseimbangan antara pertumbuhan gaji dan kadar inflasi menjadi antara punca utama rakyat terpaksa melakukan dua pekerjaan.

"Jika kenaikan gaji tahunan hanya dua peratus, sedangkan inflasi barangan asas seperti makanan mencecah lima



BASHIR AHMAD
SHABIR AHMAD



ABDUL RAIS
ABDUL LATIFF

hingga enam peratus setahun, jurangnya semakin besar dan lama-kelamaan ia menjerut rakyat," jelasnya.

Mengulas mengenai implikasi jangka panjang, beliau berkata, kebergantungan kepada kerja kedua bukan pe-

nyelesaian mampan, sebaliknya boleh memberi kesan kepada produktiviti tenaga kerja dan kesejahteraan sosial negara.

"Individu yang terlalu letih kerana bekerja siang malam berisiko hilang tumpuan, terdedah kepada kemalangan jalan raya dan tidak dapat memberi komitmen kepada kerja utama," katanya.

Justeru, katanya, kerajaan perlu memperkenalkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan dasar gaji progresif, perluasan perlindungan sosial serta inisiatif peningkatan kemahiran pekerja agar

mereka dapat beralih kepada pekerjaan yang menawarkan pendapatan lebih tinggi.

"Selagi struktur ekonomi kita tidak berubah dan majikan masih membayar gaji minimum untuk kerja maksimum, rakyat akan terus terperangkap dalam kitaran bekerja lebih untuk mendapat kurang," jelasnya.

Antara pendekatan yang disarankan termasuk pelaksanaan struktur gaji progresif yang lebih adil, perluasan jaringan keselamatan sosial kepada pekerja sektor tidak formal, serta pengukuhan latihan kemahiran semula agar rakyat dapat beralih kepada pekerjaan bernilai tinggi.

UTUSAN MALAYSIA
05 MAY 2025

Tarikh:

Govt wants more states to stop issuing vape licences

PUTRAJAYA: The government is encouraging more states to stop issuing licences to premises selling vapes and e-cigarettes.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said if the states did not want to stop issuing licences, then those selling vapes and e-cigarettes should be subjected to the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024.

Asked if the government would consider a nationwide ban, he said the federal government had adopted a regulatory enforcement model following the passage of the act.

"We took a firm position to regulate tobacco-related products.

"That is the stance and position of the federal government.

"At the same time, we support state governments that have the authority not to issue vape sales licences.

"So let us work together," he told reporters during a briefing on the Lung Health Initiative Malaysia 2025-2030.

Regardless of the present stance, Dzulkefly acknowledged that no legislation was static.

"We will continue to review the matter," he said.

JOHARI VISITS KG BARU FIRE VICTIMS

Titlwangsa member of parliament Datuk Seri Johari Abdul Ghani meeting with victims of a recent fire in Lorong Raja Muda Musa 4 in Kampung Baru, Kuala Lumpur. The plantation and commodities minister also handed over contributions to ease their burden. PIC FROM JOHARI GHANI'S FACEBOOK PAGE



NEW STRAITS TIMES
05 MAY 2025
Tarikh:

THREE-DAY REMAND

NST
S/S

Cops nab duo behind theft of RM111,000 worth of jewellery

SHAH ALAM: A man and a woman who posed as customers before swiping more than RM111,000 worth of jewellery from a shop in Shah Alam have been caught and remanded for three days.

Shah Alam police chief Assistant Commissioner Mohd Iqbal Ibrahim said that the magistrate's court here granted a three-day remand order for both suspects until today.

"The Shah Alam police headquarters received a report lodged by the victim, a 26-year-old woman working as a sales assistant at the shop, on April 27 at 4.55am.

"Following investigations, the Criminal Investigation Department arrested the suspects on Friday at 3.20pm in Bandar Puncak Alam, Selangor."

He added that police also seized mobile phones and the clothing worn by the suspects during the incident, besides recovering the stolen jewellery.

He said the case was being in-

vestigated under Section 380 of the Penal Code for theft, which provides for imprisonment of up to 10 years and a fine upon conviction.

Those with information on the case should contact assistant investigating officer Sergeant Prabakaran Nair at 011-26294419.

Among the stolen items were two 916 gold rings and three 916 gold bracelets, weighing a total of 244.08g, with total losses estimated at RM111,743.55.

A closed-circuit television recording of the incident went viral on TikTok.

It shows a man and woman browsing gold bracelets and rings in the shop before pocketing some items when the sales assistants are preoccupied with other customers.

The female suspect is wearing a grey hoodie with a face mask and white cap, and the man is wearing a red shirt, red cap and dark glasses.

NEW STRAITS TIMES
05 MAY 2025

Tarikh:

Govt backs media ⁵⁰⁰ on policy push for AI ⁵¹⁵

KUALA LUMPUR: The government's aim is not merely to see Malaysia climb the Press Freedom Index, but more crucially, to support media practitioners grappling with the rise of AI, said Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil.

He noted that journalists today face pressing challenges, from job insecurity and welfare concerns to growing unease over AI potentially replacing the role of human reporters.

"In this context, the World Press Freedom Index 2025 by Reporters Without Borders (RSF) offers a timely opportunity for the government to step up efforts to safeguard the interests of media professionals," he told reporters after attending the Universiti Malaya Public Health Campaign: Diabetes Is Not a Barrier yesterday.

Malaysia has jumped 19 places in the 2025 index, now ranking 88th globally — the second highest in Asean, just behind Thailand at 85th.

Fahmi, who is also the MP for Lembah Pantai, said government initiatives — including drafting legislation for the Malaysian Media Council — have helped boost the country's standing.

"We hope that by National Journalists Day (May 29), the council or its founding board will be in place. That would mark a meaningful step forward," he said.

He also expressed willingness to engage with media organisations such as journalists' clubs, the National Union of Journalists Malaysia (NUJ) and the Malaysian Press Institute (MPI) to discuss AI guidelines in journalism.

"We need clear guidelines. We need understanding, so we can harness the power of AI without falling prey to fake news, misinformation, or AI misuse, particularly within the media landscape.

"I'm ready to meet and will try to make time this week to get initial input from NUJ," he added.

On the 3R (race, religion, royalty) concerns flagged by RSF, Fahmi underlined the need to strike a balance between freedom of expression and compliance with existing laws.

"We cannot allow misinformation — especially content that touches on 3R issues and threatens public order — to spread unchecked. Malaysians, including those in the media, have the right to speak and report, but they must do so within the legal framework." — Bernama.

THE SUN

Tarikh: 05 MAY 2025



Fahmi with participants of the university's health campaign yesterday.
— ADAM AMIR HAMZAH/THESUN

SUN
5/5

Govt yet to decide on WFH plan during Asean Summit

KUALA LUMPUR: The government has yet to finalise a proposal for civil servants to work from home (WFH) and for students to undergo home-based teaching and learning during the Asean Summit scheduled for end of this month.

Communications Minister and Madani government spokesman Datuk Fahmi Fadzil said the matter was discussed two weeks ago and is being reviewed in detail by the Asean Secretariat at Wisma Putra.

"The focus is on those working in or around the venue and areas where several major meetings will be held.

"According to the calendar, the

summit is expected to take place at the end of May. I believe we will have more information after the upcoming Cabinet meeting," he said after attending the Universiti Malaya Public Health Campaign "Diabetes is Not a Barrier" at IWK Ecopark Pantai Dalam yesterday.

Previously, Foreign Minister Datuk Seri Mohamad Hasan said the WFH and home-based teaching proposals for the Asean summits in May and October would be brought to the Cabinet, following concerns over disruptions caused by road closures during Chinese President Xi Jinping's recent state visit in Kuala Lumpur and Putrajaya. — Bernama

THE SUN

Tarikh: 05 MAY 2025....